

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN AHLI MUZIK**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Ahli Muzik Gred B19, B21/22, B25/26, B29/30, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Istana Budaya/ Agensi kerajaan

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab dalam menggubah lagu, bermain alat muzik untuk latihan dan persembahan, menjadi pemain orkestra dan memimpin orkestra.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Ahli Muzik Gred B19, B21/22, B25/26**

- a. Bertanggungjawab kepada Pengarah Muzik.
- b. Menjadi anggota pelengkap dalam persembahan dan latihan orkestra.
- c. Membantu menjayakan latihan individu dan muzik kamar.
- d. Bermain alatan muzik tertentu mengikut bakat dan kemahiran.
- e. Menyertai program muzik orkestra yang dijadualkan.

#### **4.2 Ahli Muzik Gred B29/30**

- a. Bertanggungjawab kepada Pengarah Muzik.
- b. Menjadi anggota dalam persembahan dan latihan orkestra.
- c. Membantu menjayakan latihan individu dan muzik kamar.
- d. Bermain alatan muzik tertentu mengikut bakat dan kemahiran.
- e. Menyertai program muzik orkestra yang dijadualkan.

#### **4.3 Ahli Muzik Gred B31/32**

- a. Berpengalaman luas dalam bidang muzik terutama boleh menguasai satu-satu peralatan muzik dengan baik.
- b. Bertanggungjawab kepada Pengarah Muzik/Konduktor, Penolong Konduktor, Konsertmaster dan Penolong Konsertmaster.
- c. Pemain utama orkestra.
- d. Pembantu kepada Konsertmaster semasa latihan dan persembahan.
- e. Menyertai apa jua persembahan sebagaimana diarahkan.
- f. Membimbing Pelajar Pusat Pemuzik Muda.

#### **4.4 Ahli Muzik Gred B37/38 (Pembantu Prinsipal)**

- a. Berpengalaman luas dalam bidang muzik terutama boleh menguasai satu-satu peralatan muzik dengan baik.
- b. Bertanggungjawab kepada Pengarah Muzik/Konduktor, Penolong Konduktor, Konsertmaster dan Penolong Konsertmaster.
- c. Pemain utama orkestra.
- d. Pembantu kepada Konsertmaster semasa latihan dan persembahan.
- e. Mengetuai latihan berkumpulan dan persembahan.
- f. Membimbing pemain dibawah kawalannya.

#### **4.5 Ahli Muzik Gred B41/42 (Penolong Prinsipal)**

- a. Berpengalaman luas dalam bidang muzik terutama boleh menguasai satu-satu peralatan muzik dengan baik.
- b. Bertanggungjawab kepada Pengarah Muzik/Konduktor, Penolong Konduktor, Konsertmaster dan Penolong Konsertmaster.
- c. Pemain utama orkestra.

- d. Pembantu kepada Konsertmaster semasa latihan dan persembahan
- e. Membantu latihan *sectional* (Sectional Rehearsal) dan mengetuai latihan berkumpulan dan persembahan.
- f. Mengetuai kumpulan muzik kamar tertentu (Chamber Music).
- g. Membimbing pemain dibawah kawalannya.
- h. Membimbing pelajar Pusat Pemuzik Muda.

#### **4.6 Ahli Muzik Gred B43/44 (Prinsipal Kanan)**

- a. Mempunyai pengalaman luas dalam bidang muzik orkestra serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguasai salah satu alat muzik orkestra.
- b. Bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Istana Budaya, Pengarah Muzik/Konduktor, Penolong Konduktor, Konsertmaster dan Penolong Konsertmaster.
- c. Penolong kepada Konsertmaster dan Penolong Konsertmaster semasa latihan dan persembahan.
- d. Ketua kumpulan bahagian orkestra sama ada *String, Woodwind, Brass* dan *Percussions*.
- e. Terlibat secara langsung dengan semua program pembangunan muzik Istana Budaya.
- f. Mengetuai kumpulan muzik kamar tertentu (Chamber Music).
- g. Menyertai semua latihan dan persembahan.
- h. Memantau ketrampilan ahli muzik dibawah kawalannya dan sebagai Ketua semasa latihan berkumpulan (*sectional*).

#### **4.7 Ahli Muzik Gred B47/48 (Penolong Konduktor Orkestra Simfoni Kebangsaan)**

- a. Mempunyai kepakaran khusus dalam bidang muzik klasik, berpengalaman luas memimpin Orkestra Simfoni Profesional disamping mempunyai kebolehan menggubah lagu dan menganalisa muzik.

- b. Bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Istana Budaya dan Pengarah Muzik/Konduktor Orkestra Simfoni Kebangsaan.
- c. Membantu tugas-tugas Konduktor Orkestra Simfoni Kebangsaan di dalam sesuatu latihan dan persembahan muzik.
- d. Membantu di dalam tugas-tugas penggubahan muzik dan perancangan *repertoire*.
- e. Sebagai salah seorang tenaga perancang bagi program-program seni muzik yang hendak diadakan dan menjadi Konduktor kepada Orkestra Simfoni Remaja Malaysia.
- f. Berusaha untuk membangun dan meningkatkan pencapaian sebuah orkestra ke tahap mutu yang membanggakan dan meningkatkan taraf persembahan muzik negara.
- g. Memantau kemahiran dan ketrampilan anggota orkestra secara berterusan.

**4.8 Ahli Muzik Gred B51/52, B53/54 (Konduktor Orkestra Simfoni Kebangsaan)**

- a. Mempunyai kepakaran khusus dalam bidang muzik klasik, berpengalaman luas memimpin Orkestra Simfoni Profesional serta mempunyai daya kepimpinan berwibawa, kreatif, berwawasan seiringan dengan kehendak semasa disamping dapat mewarnakan pelbagai bentuk persembahan.
- b. Bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Istana Budaya, bertindak sebagai pemimpin dan Pengarah Artistik serta penggiat utama aktiviti-aktiviti harian dan persembahan Orkestra Simfoni Kebangsaan yang akan diadakan dari semasa ke semasa.
- c. Bertanggungjawab terhadap pembangunan muzik Kebangsaan dan menjadi rujukan dalam menentukan dasar pembangunan artistik muzik negara.
- d. Konduktor Utama Orkestra Simfoni Kebangsaan.
- e. Bertanggungjawab dalam penggubahan muzik dan perancangan *repertoire*.
- f. Merancang pembangunan dan perkembangan seni muzik Orkestra Simfoni Kebangsaan dan menjadi Penasihat kepada Orkestra Simfoni Remaja Malaysia.

- g. Mengetuai penyertaan seminar, persidangan dan penyelidikan seni muzik dalam dan luar negara.
- h. Memantau kegiatan seni muzik Istana Budaya dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Cawangan Pengurusan.

### **Luaran**

- a. Penganjur orkestra luar.
- b. Pihak yang menggunakan kepakaran atau undangan persembahan.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam negara.

## **7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- a. Mempunyai kemahiran bermain alat muzik berkaitan setaraf dengan kelulusan Gred 8 (Final Grade) sijil muzik ABRSM/Diploma ATCL (Performer's-External)/Diploma LRAM (Performer's-Internal) atau yang setarafnya dengannya.
- b. Mereka yang tidak mempunyai kelulusan formal muzik dikehendaki mengemukakan perakuan daripada mana-mana pakar muzik yang diiktiraf bahawa dia mempunyai bakat dan kemahiran yang setaraf dengan kelulusan yang diperlukan oleh jawatan berkaitan.
- c. Ahli Muzik profesional tanpa kelulusan formal muzik dikehendaki mengemukakan surat-surat testimonial atau perakuan daripada mana-mana pakar muzik yang diiktiraf bahawa calon berkenaan adalah mempunyai bakat dan kemahiran yang setaraf dengankelulusan yang diperlukan oleh jawatan berkaitan.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Bertanggungjawab.
- b. Semangat kerja berpasukan.
- c. Profesionalisme.
- d. Kualiti.
- e. Disiplin diri yang tinggi.
- f. Sabar dan tekun menghayati tugas dan latihan.
- g. Fokus dan objektif.

**9. ANCAMAN/BAHAYA**

- a. Percanggahan kepentingan peribadi dan tugas.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar secara persendirian.
- c. Kegagalan kerja berpasukan.
- d. Tiada komitmen.
- e. Hasil kerja tidak berkualiti.

Sumber : Kementerian Penerangan Malaysia. Surat Rujukan KPO.341/1/(R)/Jld. 26 (26) dan (32) bertarikh 15 Oktober dan 17 Oktober 2008.